

MAKNA SIMBOL RITUAL "SERARANG" DALAM MASYARAKAT MELANAU LIKOW DI DALAT, SARAWAK

Noor Norazila Inai & Mohamad Maulana Magiman

Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu

noor.norazila@yahoo.com

ABSTRAK

Ritual *Serarang* merupakan satu bentuk persembahan yang berisi dulang makanan yang digunakan oleh masyarakat Melanau *Likow* untuk menjamu *ipok* makan. Persembahan-persembahan tersebut mengandungi unsur-unsur simbolik berdasarkan setiap jenis bentuk makanan. Unsur-unsur simbolik ini melibatkan kepercayaan dan sistem kosmologi suku Melanau *Likow* yang melingkari kehidupan mereka. Makalah mengenai simbol-simbol dan makna simbol dalam ritual *Serarang* masyarakat Melanau *Likow* di Sarawak ini sukar diperolehi kerana kajian sebelum ini lebih tertumpu kepada pesta *Kaul* semata-mata. Namun begitu, masyarakat Melanau *Likow* percaya *Kaul* tidak akan mempunyai erti sekiranya ritual *Serarang* tidak dilaksanakan kerana bagi mereka ritual *Serarang* ini merupakan ibu kepada pelaksanaan *Kaul* bagi masyarakat Melanau. Fokus utama makalah ini adalah untuk mengenal pasti simbol-simbol yang digunakan dalam pelaksanaan ritual *Serarang* di samping untuk mengenal pasti makna simbol dalam ritual tersebut. Kaedah kajian yang digunakan adalah dengan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian di lapangan. Temu bual mendalam dilakukan bersama *Tama Kaul* selaku ketua adat yang terlibat. Analisis mendapati ritual yang dilaksanakan ini merupakan sinkretisme agama, iaitu penggabungan perlakuan unsur-unsur animisme dengan unsur-unsur agama seperti unsur-unsur Islam, Kristian dan Pagan (*Likow*). Hasil kajian mendapati ritual *Serarang* yang dijalankan adalah bertujuan untuk penyataan rasa syukur dan tanda terima kasih atas limpahan rezeki yang telah diberikan oleh *ipok* pada tempoh sepanjang tahun. Selain itu, ritual ini juga merupakan satu proses penyucian kampung yang akhirnya mampu memberikan perlindungan dan keselamatan kepada masyarakatnya sehingga mewujudkan identiti kewujudan mereka di negeri Sarawak.

Kata kunci: Simbol, ritual, sinkritisme, Kaul, Melanau Likow

PENDAHULUAN

Latar belakang

Negeri Sarawak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan adat resam yang tersendiri. Kepelbagaian budaya ini dipengaruhi oleh kepelbagaian etnik kaum yang mendiami kawasan-kawasan di negeri Sarawak. Salah satunya ialah suku kaum Melanau yang majoritinya mendiami kawasan barat negeri Sarawak. Setelah penaklukan Brunei ke atas kerajaan negeri Sarawak, proses akulturasi berlaku sehingga wujudnya kelompok masyarakat baru iaitu Melanau Islam dan

Melanau Kristian. Sungguhpun begitu, masih terdapat masyarakat Melanau *Likow* di Dalat, Sarawak yang masih lagi mengekalkan identiti mereka melalui corak kehidupan dan budaya tradisional nenek moyang mereka.

Keakraban simbol dan pantang larang nenek moyang masih erat dalam budaya dan tradisi kehidupan suku Melanau *Likow*. Sistem kepercayaan dan adat resam ini menjadi panduan mereka dalam mencapai kehidupan yang lebih sempurna. Ia menjadi asas utama dalam menentukan pandangan hidup, tindak tanduk dan pergerakan serta cara berfikir mereka. Masyarakat Melanau *Likow* percaya kepada simbol-simbol yang mistik seperti hantu-hantu, jin, jembalang, ribut, taufan dan perkara-perkara yang menggerunkan mereka. Oleh itu, bagi membebaskan mereka daripada segala permasalahan hidup, mereka memuja semangat nenek moyang mereka untuk ritual pemujaan. Simbol-simbol ini mempengaruhi setiap penjuru kehidupan mereka tidak kira membawa nasib yang baik mahupun sebaliknya dan membawa makna yang tersendiri. Kewujudan simbol dalam sesebuah ritual berasaskan pemahaman generasi terdahulu mempengaruhi imaginasi, pengalaman emosi dan intelektual serta meliputi nilai psikologi dan sosiologi dalam pertumbuhan jiwa manusia. Simbol yang digunakan sama ada melalui makanan, pakaian, perhiasan ini juga tidak perlu diterjemahkan dan diungkapkan secara panjang lebar kerana ia cepat difahami oleh individu atau masyarakat yang mempunyai pengalaman dan budaya yang sama.

Ritual *Serarang* merupakan amalan warisan tradisi masyarakat Melanau *Likow* yang mesti dijalankan setiap awal tahun sebagai satu tanda kesyukuran dan alat untuk memohon perlindungan daripada ipok. Masyarakat Melanau *Likow* percaya bahawa rezeki manusia datang daripada *ipok* dan persembahan berupa barangan atau makanan melalui satu upacara ritual harus dijalankan bagi menggembirakan *ipok*. Menurut Matzidi Dris (2000), upacara Kaul masyarakat Melanau merupakan satu upacara persembahan dan kesyukuran untuk semangat laut kerana masyarakat Melanau asalnya ialah nelayan yang mendiami kawasan pesisir pantai Sarawak. Seiring dengan peredaran zaman, perubahan telah berlaku dari segi anutan beragama, kepercayaan dan unsur-unsur ritual. Perubahan ini bukan bermakna budaya yang lama terus dipinggirkan sama sekali. Buktinya, ritual *Serarang* yang dimiliki oleh masyarakat Melanau *Likow* sehingga kini masih lagi diamalkan kerana ia masih lagi dianggap sebagai satu kemestian dan perlakuan yang mesti dilaksanakan dalam kehidupan masyarakat mereka.

Asal-usul masyarakat Melanau Likow

Orang Melayu Sarawak memanggil orang Melanau sebagai 'Melano' sementara komuniti Iban pula memanggil mereka sebagai 'lawut'. Lawut menurut Bedui (1981) secara literalnya bermaksud 'orang yang menetap di kuala' manakala Morris (1953) menjelaskan istilah Melanau Likow atau A-Liko bermaksud orang yang berasal dari kawasan sungai. Pada zaman kolonial dahulu, kelompok ini lebih dikenali dengan panggilan "Melanau Pagan" atau "Melanau Liko". Kenyataan ini disokong oleh Dzulfawati Hassan (2006) iaitu di kawasan Mukah, istilah itu digunakan bagi membezakan diri mereka dengan Melanau Islam dan Melanau Kristian. Istilah A-Liko ini semata-mata atas dasar penempatan komuniti masyarakat yang sebahagian besar daripada mereka ini menetap di kawasan pedalaman, pinggiran sungai Rajang, dan kawasan berhampiran sungai. Menurut Jeniri Amir (2000), kehidupan masyarakat Melanau sangat berkait rapat dengan sungai atau laut sebab sungai atau laut merupakan sumber ekonomi utama yang menjadi pembentukan corak kehidupan

mereka. Selain itu, ciri-ciri penempatan mereka lebih di kawasan yang mempunyai hasil sungai atau laut yang banyak. Ini mengakibatkan budaya dan kehidupan mereka sangat berkait rapat dengan amalan di sungai dan laut yang akhirnya diterjemahkan ke dalam budaya kesenian mereka.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan etnografi menerusi kajian lapangan (*field research*), kaedah pemerhatian turut serta (*participation observation*), kaedah temu bual dan kaedah perpustakaan bagi mengumpulkan data yang dikehendaki. Data yang diperolehi adalah melalui pemerhatian di lapangan. Lokasi kajian ialah di Dalat, Sarawak. Temu bual mendalam juga turut diadakan bersama *Tama Kaul* iaitu ketua yang terlibat di dalam ritual *Serarang* yang dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian lapangan mendapati bahawa simbol-simbol yang digunakan di dalam ritual *Serarang* membawa makna yang tersendiri. *Serarang* diperbuat daripada daun *iseng*, daun *tegoh*, *buluh*, *tedieng*, *semat*, dan *daun nyipah muda* ini mengandungi enam bekas-bekas kecil. Di dalam bekas-bekas kecil yang turut dikenali sebagai *pakar* ini akan diisi dengan makanan seperti *penyaram*, kuih *perut ayam*, *apit lepas*, *kertob*, *belen* dan *sirih pinang*.

Simbol Animisme dalam ritual Serarang

Kepercayaan bahawa kuasa ghaib itu ada dan wujud di samping makhluk lain dikatakan perkara yang baik mengikut pandangan mereka kerana ia adalah semangat dan juga perangsang untuk melakukan perbuatan yang dianggap baik. Setiap upacara yang dibuat mestilah mempunyai aturannya supaya ia dapat diterima oleh kuasa-kuasa supernatural ini. Bagi kaum Melanau *Likow* di Dalat, mereka juga tidak ketinggalan daripada memiliki kepercayaan animisme yang diwarisi secara turun-temurun warisan nenek moyang mereka. Unsur-unsur animisme ini masih teguh diamalkan disebabkan keperluan harian yang masih mempercayai akan kuasa-kuasa yang dimiliki oleh unsur-unsur ghaib seperti roh, semangat, penunggu dan sebagainya. Mereka percaya sekiranya unsur-unsur ini tidak dinuteralisasikan ia akan mengakibatkan sesuatu perkara yang tidak diinginkan akan berlaku kepada kehidupan mereka sehingga menjejaskan hasil perolehan di sungai dan laut.

Tama Kaul

Tama Kaul atau dikenali sebagai *Bapa Kaul* merupakan orang yang bertanggungjawab mengetuai upacara ritual *Serarang* ini. *Tama Kaul* di Dalat tidak boleh dilantik sembarangan kerana individu terbabit haruslah berketurunan *Sepok*. Menurut informan, hanya mereka yang berketurunan *Sepok* sahaja yang diberikan mandat untuk memelihara *Beliseng* yang dipercayai sebagai rumah keramat buat *ipok*. *Tama Kaul* haruslah seorang lelaki, diiktiraf oleh masyarakat, berpengalaman dan arif mengenai selok belok adat budaya masyarakat Melanau *Likow*. Sekiranya

Tama Kaul yang dilantik bukan beketurunan *Sepok*, ini dikhuatiri akan menyebabkan sesuatu yang tidak diingini menimpa masyarakat setempat. Tama *Kaul* akan dipertanggungjawabkan untuk memastikan ritual berjalan mengikut peraturan dan mengenakan hukuman kepada sesiapa yang ingkar terhadap pantang larang yang telah ditetapkan. Selain itu, Tama *Kaul* merupakan orang yang diberikan mandat untuk menjadi pengantara atau 'orang tengah' yang berhubung dan berkomunikasi dengan *ipok* di alam maya. Tama *Kaul* juga merupakan orang yang ditugaskan untuk memujuk dan merayu *ipok* agar menghalau segala kejahatan dan bencana serta malapetaka yang mungkin menimpa mereka. Doa yang disampaikan oleh Tama *Kaul* semasa ritual *Serarang* dijalankan merupakan penentu nasib dalam kehidupan masyarakat setempat. Jesteru itu, ia tidak boleh dipandang ringan oleh Tama Kaul kerana Tama Kaullah satu-satunya penghubung utama antara manusia dan *ipok*.

Kubo Beliseng

Kubo Beliseng merupakan rumah keramat bagi kediaman *ipok*. Menurut masyarakat Melanau *Likow*, *Kubo Beliseng* sangat suci dan mempunyai kuasa luar biasa bagi masyarakat Melanau *Likow*. Antaranya rumah yang diperbuat daripada kayu belian hanya boleh dibersihkan dan dimandikan oleh Tama *Kaul* dengan minyak yang wangi dan turut dibacakan mantera yang tertentu bagi mengelakkan sebarang kecelakaan dan bencana yang akan menimpa masyarakat. *Kubo Beliseng* dianggap mampu melindungi dan memakbulkan segala permintaan masyarakat Melanau *Likow*. Buktinya, *Beliseng* dipenuhi dengan duit syiling di dalamnya sebagai tanda pemberian masyarakat setiap kali memohon sebarang doa dan keinginan. Oleh itu, ia sememangnya merupakan satu simbolik kepada ketaatan kepada *ipok*, sumber rezeki dan penyatuan kepada masyarakat Melanau *Likow*.

Penyaram

Penyaram diibaratkan sebagai 'ibu' kepada segala makanan di dalam pelaksanaan ritual *Serarang*. Bagi masyarakat Melanau *Likow*, ritual ini tidak akan sempurna tanpa adanya penyaram kerana ia merupakan sajian utama kesukaan *ipok*. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya masyarakat Melanau *Likow* menyatakan bahawa tidak akan sempurna pelaksanaan ritual *Serarang* jika tiada kuih penyaram. Penyaram merupakan sejenis kuih tradisional masyarakat Melanau *Likow* yang diperbuat daripada campuran tepung beras, tepung gandum, air dan gula apong. Istimewanya kuih tradisional ini adalah kerana penggunaan gula apong yang diibaratkan sebagai pengikat silaturrahim melalui teksturnya yang sangat manis dan sangat likat. Menurut informan, gula apong yang menjadi bahan penting dalam pembuatan penyaram diibaratkan sebagai lambang kasih sayang dan dipercayai mampu merapatkan semula hubungan yang terpisah jauh. Selain itu, ia menjadi sajian wajib kerana penyaram ini tahan lama dan tidak mudah basi seperti kuih lain.

Ketupat (Apit lepas)

Dalam kehidupan tradisi masyarakat Melanau *Likow*, ketupat membawa makna simbol yang tersendiri. Masyarakat Melanau *Likow* percaya bahawa ritual *Serarang* ini tidak akan lengkap sekiranya tidak meletakkan ketupat di dalam dulang hantaran *Serarang*. Ketupat yang diperbuat daripada beras pulut ini dibalut menggunakan daun nipah muda atau turut dikenali dengan nama daun *medok* dalam kalangan masyarakat setempat. Berdasarkan kepada generasi terdahulu, sebelum memulakan perjalanan

ke sungai dan laut, ketupat atau dikenali juga dengan nama *apit lepas* akan dijadikan sebagai pra-syarat untuk dijamu kepada semangat atau roh yang dikenali sebagai *ipok*. Masyarakat Melanau *Likow* percaya bahawa *apit lepas* ini bererti melepaskan segala niat yang dihajatkan ke sungai atau laut. Mereka percaya bahawa *ipok* yang ada di sekeliling manusia akan memakan ketupat tersebut meskipun tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Sebagai balasannya, *ipok* akan membantu menjaga keharmonian daripada anasir jahat dan melimpahkan hasil yang lebih banyak semasa berada di sungai dan laut.

Masyarakat Melanau *Likow* turut mempunyai pantang larang semasa menyediakan sajian ini. Menurut informan, semasa mengukus pulut (proses mengacau pulut bersama santan), individu tidak boleh mengatakan sesuatu atau bercakap secara takbur kerana dikhuatiri akan memberi kerosakan terhadap hasil pulut tersebut. Selain itu, semasa mengacau santan sehingga masak, haruslah mengacau mengikut arah jam bagi mengelakkan pulut nasi basi dengan cepat. Kesemua aspek utama ini perlu dipelihara dan dijaga dengan baik agar kualiti yang dihasilkan tidak berubah dari segi rasa dan bentuk. *Apit lepas* ini melambangkan kemakmuran hidup dan keharmonian ikatan kekeluargaan menerusi bentuk lipatan ketupat yang sangat kuat. Santan untuk merebus pulut nasi pula melambangkan kesucian hati.

Kuih perut ayam

Kuih perut ayam merupakan sajian tradisional masyarakat Melanau *Likow* yang wajib dipersembahkan hampir dalam setiap perayaan besar. Dalam kehidupan tradisi masyarakat Melanau *Likow*, kuih perut ayam diperbuat daripada doh tepung gandum, santan, marjerin dan gula. Setelah dicampurkan kesemua bahan-bahan, doh tersebut dicanai dan dipotong memanjang. Kemudian, akan membentuk satu bentuk seperti perut ayam. Setelah siap, digoreng sehingga masak dan kekuningan. Simboliknya kuih ini adalah kerana ia melambangkan kemakmuran dan keharmonian hidup masyarakat Melanau *Likow*.

Belen

Belen merupakan sajian khas yang wajib dipersembahkan kepada *ipok*. Belen atau sajian yang merupakan kombinasi di antara sirih, rokok apong dan buah pinang disediakan secara khas kepada penjaga sungai atau laut, roh, hantu, jembalang dan sebagainya. Dalam kehidupan masyarakat Melanau *Likow*, belen dipercayai akan melengkapkan keseluruhan sajian yang dipersembahkan kepada *ipok*. Selain itu, ia bertujuan untuk mengelakkan diri sendiri dan keluarga daripada diganggu atau disakiti. Mengikut kepercayaan masyarakat Melanau *Likow*, unsur belen ini merupakan bentuk makanan yang sama dengan apa yang dikatakan oleh Geertz (1973). Perbezaannya hanyalah kepada jenis barangan yang dijadikan sebagai belen. Bagi masyarakat Mojukuto mereka akan menyediakan sikat rambut, benang, bunga, kemenyan, buah pinang, tembakau dan sebagainya namun bagi masyarakat Melanau *Likow*, mereka akan meletakkan benda-benda seperti sirih, tembakau dan rokok apong. Berdasarkan kepada kedua-dua keadaan itu, dapat dinyatakan di sini, bahawa belen yang disediakan mempunyai maksud tersendiri. Ini disebabkan penyediaan belen adalah untuk jamuan kepada makhluk ghaib yang dipercayai akan menjaga atau membantu mereka. Malah, bagi masyarakat Melanau *Likow*, belen bukan sahaja untuk *ipok* namun sering kali dijadikan makanan orang-orang tua pada hari biasa atau semasa kematian.

Bertih beras (Kertob)

Bertih beras atau dikenali sebagai *kertob* merupakan elemen penting di atas *pakar* atau dulang hantaran *Serarang*. Bertih beras mempunyai simboliknya yang tertentu dalam kehidupan masyarakat Melanau *Likow*. Mereka percaya bahawa bertih beras ini akan menyucikan diri dan menghalau elemen jahat di sekeliling mereka. Selain itu, bertih beras yang belum dimasak ini juga simbol kepada kesuburan hidup dalam masyarakat Melanau *Likow*.

PERBINCANGAN

Secara umumnya simbolisme yang terdapat dalam ritual *Serarang* ini bukan sahaja dapat digambarkan melalui perbuatan secara lahiriah tetapi ia banyak mencerminkan kepada tujuan sesuatu perlakuan itu dibuat. Di dalam menyampaikan maksud yang dihajati itu, ia merangkumi aspek yang paling nyata iaitu aspek yang menjurus kepada simbol makna dan bentuk keagamaan ritual. Bentuk ritual akan dibuat oleh Tama *Kaul* yang ditugaskan untuk menyelesaikan urusan berkaitan dengan roh, semangat, makhluk ghaib dan perkara-perkara yang sukar dilakukan oleh manusia biasa. Tugas Tama *Kaul* adalah sebagai wakil kepada masyarakat Melanau *Likow* untuk berkomunikasi bersama perkara-perkara yang dianggap sebagai supernatural itu. Melalui pengalaman dan pengetahuan Tama *Kaul* tersebut, perjanjian akan dibuat dengan memberikan beberapa bentuk hadiah melalui mantera yang dibaca. Konsep simbolisme yang kedua pula lebih menjurus kepada keperluan utama ritual diadakan iaitu sebagai tanda kesyukuran kepada *ipok*. Dengan berpegang kepada animisme, suku kaum Melanau *Likow* percaya akan wujudnya kuasa makhluk asing. Melalui perantara seperti Tama *Kaul*, beliau adalah perantara untuk membantu memudahkan tugas untuk menyampaikan maksud majlis tersebut melalui mantera yang diungkapkan. Unsur-unsur simbolisme dalam animisme ini amat jelas sekali diperlihatkan melalui Tama *Kaul*, mantera, *Kubo Beliseng* dan persembahan dulang hantaran *Serarang* yang berisi makanan untuk dipersembahkan kepada *ipok*. Simbol dan makna dalam masyarakat Melanau *Likow* sememangnya diambil daripada pengalaman hidup masyarakatnya sepanjang pengamatan terhadap kejadian yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Penjelasan mengenai makna simbol memperlihatkan kosmologi tradisional masyarakat Melanau *Likow* yang dipancarkan melalui penggunaan simbol animisme dalam ritual *Serarang*. Penggunaan simbol-simbol tradisi atau animisme ini diambil dari persekitaran ruang lingkup kehidupan masyarakat Melanau *Likow* itu sendiri. Hal ini disebabkan masyarakat Melanau *Likow* amat rapat dengan alam sekitar serta sering merenung alam terutamanya sungai dan laut. Daripada renungan itulah masyarakatnya menemui makna kehidupan yang dilalui dan diwakili oleh sifat-sifat alam. Sifat-sifat alam seperti kuasa supernatural yang digelar sebagai *ipok* itulah merupakan citra atau gambaran kehidupan masyarakat Melanau *Likow* yang menjadi sumber ilmu dalam kehidupan mereka.

RUMUSAN

Pengertian sesuatu simbol boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan atau kehendak masyarakat. Simbol sering kali ditafsirkan secara ambigu

kerana ianya boleh diinterpretasikan lebih daripada satu makna pada waktu-waktu tertentu. Oleh itu, simbol mempunyai makna yang tertentu berdasarkan kehendak, pengertian dan pemahaman masyarakat ketika itu.

RUJUKAN

- Dzulfawati, H. H. (2006). *Upacara kematian Melanau Likow di Sarawak*, Universiti Malaysia Sarawak.
- Geertz, C. (1973). *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Book.
- Jeniri, A. (2000). *Kaul memujuk Ipok*. Dewan Budaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Matzidi, D. (2000). 20,000 Kunjungi Pesta Kaul. *Berita Minggu*. Kuala Lumpur, 7 Mei.
- Morris, H. S. (1981), *Report on a Melanau Sago Producing Community in Sarawak*. London: H.M.S.O